

## **Analisis Sistematis Tema Berkaitan Serangga Dalam al-Quran dan Hadis Sebagai Sandaran Pembuktian Dalam Kehidupan Manusia**

[Systematic Analysis of Insect Related Theme in Al-Quran and Hadith as Sources of Evidence in Human Life]

Ahmad Syukran Baharuddin<sup>1\*</sup>, Wan Abdul Fattah Wan Ismail<sup>1</sup>, Lukman Abdul Mutalib<sup>1</sup>, Muhammad Hazim Ahmad<sup>1</sup>, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi<sup>2</sup>, Faszly Rahim<sup>3</sup> Mohammad Amir Wan Harun<sup>4\*</sup>, Muhammad Sobri Faisal<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ); Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan Pendidikan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan.

<sup>3</sup> Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.

<sup>5</sup> Jabatan Al-Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

\* Corresponding author: ahmadsyukran@usim.edu.my / amirwan@usm.my

### **Abstract**

One of the roles of insects in human life is to provide a balanced ecosystem. The contribution of insects in science is endless, with more discoveries in species that can be studied further. In Islam, scholars have described the legal texts as revelation and evidence of Allah's greatness besides giving numerous lessons to human beings. However, no study has yet been done to systematically analyse the themes and lessons

Manuscript Received Date: 25/12/20

Manuscript Acceptance Date: 10/07/21

Manuscript Published Date: 02/08/21

©The Author(s) (2020). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [usimpress@usim.edu.my](mailto:usimpress@usim.edu.my)

doi: 10.33102/ujj.vol33no2.263



in which insects are mentioned in Islamic law's primary scriptures. *Aims and Objectives:* This study identified and analysed the insects mentioned in the Qur'an and Sunnah according to the lexical themes. *Methodology:* This study used the content analysis method on the primary sources of revealed knowledge in Islam. With the way of insects found based on 6236 verses analysed from the Quran, the list was then imported as theoretical samples and continued with the thousands of hadiths found in *Sunan Sittah*, the primary document reference hadith in Islam. *Results and Findings:* This study found that insects have been mentioned through various themes in both Qur'an and Sunnah. There are a total of 104 hadiths related to insects and can be classified according to eight themes such as allegory/teachings/attributes, hygiene/bathing, eating ethics, muamalat, dress code, worship, medicine and surah references. Findings indicate the role of insects as part of an essential element in human life. It shows that the integration of *naqli* (revelation-based texts) and *aqli* (human thought) is relevant throughout the ages. Further research needs to be done to see what is behind the main focus of the themes of mentioned insects. In the context of Islamic studies, the status of the hadiths related to insects can be further discussed. While the description of the exegesis needs to be explored and discussed so that the meaning of the 'evidence of life' as indicated by the prominent exegesis scholars can be translated as a new framework in this modern era.

**Keywords:** *insects, hadith, content analysis, entomology, thematic analysis*

### Abstrak

Peranan serangga dalam kehidupan manusia memberikan suatu keseimbangan dalam ekosistem. Sumbangan serangga dalam dunia sains tiada noktah dengan penemuan-penemuan baru spesies yang boleh dikaji untuk penyelidikan seterusnya. Dalam Islam, para sarjana menyifatkan teks-teks bersumberkan wahyu adalah sebagai bukti kebesaran tuhan di samping memberikan pelbagai pengajaran kepada manusia. Namun belum ada kajian dilakukan untuk melihat secara tematik dan kecenderungan perihal serangga yang disebutkan dalam teks-teks primer perundangan Islam. *Objektif dan Tujuan:* Kajian ini mengenal pasti dan menganalisis perihal serangga yang disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah mengikut tema sebutan. *Metodologi:* Kajian menggunakan metode analisis kandungan terhadap sumber-sumber primer rujukan berteraskan wahyu dalam Islam. Dengan menggabungkan serangga yang dijumpai hasil carian 6236 ayat dalam al-Quran, senarai tersebut dijadikan sampel teori dan diteruskan terhadap ribuan hadis-hadis yang terdapat dalam *Sunan Sittah*, rujukan utama dokumen hadis bagi pendalilan dalam Islam. *Dapatan Kajian:* Kajian menemukan bahawa serangga telah disebutkan melalui pelbagai tema sama ada di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah. Terdapat sebanyak 104 hadis berkaitan serangga dan dikelaskan mengikut lapan tema seperti perumpamaan/pengajaran/sifat, kebersihan/mandi, pemakanan, muamalat, pemakaian, ibadah, perubatan dan rujukan bagi penamaan surah. Hasil analisis ini menunjukkan peranan serangga sebagai sebahagian daripada elemen penting dalam kehidupan manusia. Ia menunjukkan integrasi *naqli* (teks bersumberkan wahyu) dan *aqli* (percambahan pemikiran oleh manusia) relevan sepanjang zaman. Kajian lanjut perlu dilakukan bagi melihat fokus utama tema-tema yang telah didapati dari perihal serangga yang disebutkan tersebut. Dalam konteks pengajian Islam, disarankan agar status hadis-hadis yang berkaitan dengan perihal serangga tersebut dikaji dengan lebih lanjut. Sementara huraian dari pentafsiran yang berautoriti perlu dikaji dan diteroka agar maksud sebenar bukti-bukti kehidupan yang diisyaratkan oleh ilmuan silam dapat diterjemahkan sebagai suatu kerangka baru era moden.

**Kata Kunci:** *serangga, hadis, analisis kandungan, entomologi, analisis tematik*

## 1.0 Pengenalan

Peranan serangga sangat besar dalam kehidupan manusia. Umumnya ia menjamin satu ekosistem yang seimbang demi kelangsungan hidupan lain. Dalam konteks beragama, ia menjadi sumber bukti kewujudan pencipta dan kekuasaan penciptaannya. Ia disebutkan dalam pelbagai pentafsiran berkaitan ayat-ayat yang diturunkan sebagai wahyu seperti dalam ayat 45 dalam Surah al-Nur:

Demi sesungguhnya, Kami telah menurunkan ayat-ayat yang menerangkan (hakikat kebenaran dengan pelbagai dalil dan bukti); dan Allah memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus. (Surah Al-Nur 23:46)

Namun, apabila mengaitkan kepada serangga yang ada disebutkan dalam sumber-sumber tersebut, masih belum terdapat kajian yang mengumpulkan secara perihai serangga khususnya serangga dari dua sumber dalil (pembuktian) utama dalam Islam. Hal ini sedikit sebanyak merencatkan usaha memahami teks-teks keagamaan dalam konteks lebih luas terutamanya dalam bidang berkaitan sains. Ini merupakan kelompangan dalam bidang akademik yang harus diisi dengan cermat. Kegagalan untuk memahami konteks teks yang berkaitan akan membawa kepada salah faham dan kecaciran dalam menginterpretasi dokumen secara keseluruhan.

## 2.0 Sorotan Kepustakaan Kajian Serangga Dalam Al-Quran dan Al-Sunnah

Kajian terhadap serangga dalam al-Quran dan al-Sunnah kurang mendapat perhatian daripada kalangan para penyelidik terutamanya di Malaysia. Hal ini berdasarkan kepada keterbatasan jumlah kepustakaan yang telah dihasilkan dan diterbitkan yang berjaya ditemukan dari pelbagai sumber.

Kajian Rahim dan Esa (2010) tertumpu kepada huraian ke atas keajaiban penciptaan serangga yang diulas dari perspektif sains. Fokus yang diberikan adalah ke atas lebah, semut, dan anai-anai. Kajian tersebut membincangkan dalil-dalil yang jelas termaktub dalam al-Quran berkenaan serangga. Kajian tersebut menemukan bahawa terdapat lapan jenis serangga yang diungkapkan di dalam al-Quran. Namun, hanya lebah yang mendapat penjelasan berkenaan biologi dan ekologi di dalam surah al-Nahl. Kajian ini juga menyatakan bahawa serangga lain hanya disebut dalam pengisahan sirah-sirah kenabian. Ia disebutkan sebagai elemen bencana dan bala yang menimpa sesuatu kaum atau sebahagian daripada plot pengisahan sirah tersebut. Dua lagi jenis serangga sosial turut ditampilkan dalam kajian mereka adalah semut dan anai-anai. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak mengaitkan perihai serangga yang disebut dalam hadis.

Selain itu, Othman dan Yusoff (2012) telah mengkaji tentang serangga yang dijadikan sebagai perumpamaan dalam al-Quran iaitu nyamuk dan lalat. Kajian dilakukan untuk melihat kepada rahsia dan hikmah pemilihan nyamuk dan lalat tersebut di dalam al-Quran. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat elemen *i'jaz* yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran yang membicarakan tentang serangga tersebut. Kesimpulan yang dicapai dalam kajian ini ialah dalam membahaskan topik perumpamaan serangga dalam al-Quran, pendekatan *i'jāz bayaniy* (*i'jaz* dari sudut bahasa al-Quran) dan *i'jāz 'ilmiy* (*i'jaz* dari sudut saintifik) perlu digunakan demi memperoleh kefahaman yang jelas dan mantap terhadap ayat-ayat al-Quran yang menyentuh tentang serangga ini. Gabungan antara kedua-dua jenis *i'jāz* ini sangat diperlukan

demikian memastikan maklumat dan pengajaran yang penuh bermakna dapat dihasilkan daripada penelitian terhadap perumpamaan mengenai serangga dalam al-Quran.

Sementara itu, Haris (2013) telah mengkaji tentang semut dan lebah yang digunakan sebagai alegori dalam al-Quran. Alegori bermaksud alat untuk memberikan contoh dan menerangkan (menyampaikan) sesuatu yang lebih mendalam kepada akal manusia. Penulis mendapati semut dan lebah dipuji oleh para saintis sebagai contoh haiwan sosial yang menarik. Semut dan lebah digambarkan sebagai *superorganism* kerana mereka bekerja sebagai entiti yang bersatu dan bekerjasama untuk menyokong koloni. Penulis menemui semut dan lebah melambangkan etos rajin dan disiplin. Surah Al-An'am menyamakan mereka dari segi "masyarakat" atau ummah dalam konsep Islam. Penulis menyimpulkan semut dan lebah melambangkan kiasan untuk nilai ideal ummah Islam sebagai kehidupan komunal yang berfungsi untuk mendapatkan satu tujuan hidup bersama. Hal ini sangat diperlukan pada masa kini bagi menjadikan perpaduan yang kuat dan jelas sebagai komuniti Muslim.

Seterusnya, Abas (2015) telah menjalankan kajian di peringkat Sarjana Falsafah berkaitan tafsir *ilmi* terhadap serangga dalam al-Quran. Fokus diberikan terhadap tiga jenis serangga iaitu lebah, semut, dan labah-labah. Metode kajian yang digunakan adalah pendekatan tafsir *ilmi* yang merupakan salah satu corak *tafsir bi al-ra'y* (akal). Metode ini adalah berdasarkan kepada ijtihad ahli tafsir mengikut keilmuan dan tuntutan kehidupan masyarakat. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa kemukjizatan al-Quran dapat dibuktikan melalui hubungan antara ayat bertema haiwan yang disebut oleh al-Quran dengan kajian saintifik semasa. Penelitian yang cermat perlu dilakukan dalam aplikasi tafsir *ilmi* bagi mengelakkan ia agar tidak menyimpang daripada maksud dan tujuan penurunan sesuatu ayat. Kajian tersebut juga memperlihatkan kepentingan untuk menjalankan kajian tafsir dengan berhati-hati dan mematuhi syarat ketat yang telah digariskan. Walaubagaimanapun, kajian tersebut tidak menyentuh aspek hadis berkaitan serangga kerana berada di luar skop kajian.

Pihak Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan juga ada memberikan beberapa pandangan berkaitan serangga di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Pertama, tentang kisah Nabi Sulaiman (a.s.) dan semut serta larangan membunuhnya (Noor, 2016). Kisah tersebut merupakan kisah yang sahih bahkan dirakam oleh Allah pada ayat 18 dalam Surah Al-Naml. Turut disebutkan dalam pandangan tersebut adalah berkaitan hukum membunuh semut yang diharuskan ketika ia mendaratkan kemudaratan dan tidak dibenarkan tanpa sebab. Hal ini berdasarkan larangan jelas dari hadis Nabi (s.a.w.). Kedua, perihal berkaitan yang telah diulas dari dua potongan hadis sahih yang direkodkan dalam Sahih al-Bukhari berkenaan minuman yang dimasuki lalat (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019b). Kedua-dua hadis tersebut menunjukkan bahawa Nabi (s.a.w.) memerintahkan untuk merendam lalat apabila masuk ke dalam bekas minuman. Artikel tersebut juga mengulas berkaitan penemuan sains juga telah membuktikan bahawa pada setiap sebelah sayap lalat terkandung penawar dan penyakit. Mereka berpendapat, walaupun secara zahirnya hadis ini dilihat tidak bersesuaian dengan fitrah manusia yang suka pada kebersihan dan lalat pula tabiatnya adalah di tempat-tempat yang kotor, namun, Allah lebih mengetahui apa yang terbaik untuk hamba-hambanya. Ketiga, perihal lalat yang dinyatakan pada ayat 73 dalam Surah al-Hajj dan hadis nombor 5782 dalam Sahih al-Bukhari turut diulas oleh literatur tersebut (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019a). Walaupun lalat hanyalah seekor serangga yang kecil, ianya unik dan membuka ruang kepada manusia untuk berfikir dan merenung kehebatan dan kekuasaan Allah.

Kemudian, kajian Bakharudin dan Yahaya (2018) pula membincangkan tentang penggunaan *al-hasharat* (serangga) sebagai sumber makanan dalam Islam. Mereka membahagikan *al-hasharat* kepada dua jenis iaitu tidak mempunyai darah dan tidak mempunyai darah mengalir. Kajian mereka mendapati bahawa serangga tidak dinyatakan hukumnya secara jelas dalam nas Syarak. Mereka juga mendapati sebahagian fuqaha mazhab mengiktiraf cita rasa bangsa Arab (*istitabat al-'Arab* dan *istikhbath al-'Arab*) pada zaman Nabi (s.a.w.) khususnya penduduk Hijaz dan suku Quraisy sebagai pandangan yang berautoriti dalam prinsip penentuan hukum *al-hasharat*. Sekiranya tidak terdapat panduan dan penjelasan dalam al-Quran, hadis, dan ijmak, maka cita rasa bangsa Arab tersebut diambil kira dalam penetapan sesuatu hukum. Kajian tersebut juga menyatakan bahawa terpadat pandangan berkaitan penentuan hukum tidak didasarkan kepada cita rasa bangsa Arab. Bahkan cita rasa jijik Arab (*istikhbath al-'Arab*) tidak memberi implikasi haram selagi mana tiada dalil pengharamannya.

Berbeza pula dengan kajian Ahmad *et al.* (2020) yang membahaskan tentang penggunaan serangga sebagai keterangan dalam perundangan jenayah Islam. Kajian mereka pula menumpukan kepada penggunaan alat bagi menentukan penentuan sela masa kematian minimum (mPMI), punca kematian, maklumat berkenaan pembunuh, mangsa dan tempat kejadian jenayah. Kaedah ini juga dikenali sebagai kaedah entomologi forensik. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa maklumat-maklumat ini boleh dijadikan sebagai keterangan jenis qarinah bagi mensabitkan kes qisas jenis pembunuhan.

Kajian yang mengaitkan serangga dalam al-Quran dan al-Sunnah dengan entomologi forensik juga telah dibuat oleh Ahmad *et al.* (2019) dan Baharuddin (2017). Entomologi forensik ialah aplikasi ilmu berkenaan entomologi dalam menyelesaikan siasatan atau kes bagi membantu proses pengadilan. Serangga yang dijadikan tumpuan dalam kajian mereka adalah anai-anai yang bersumberkan daripada ayat 14 dalam surah Saba'. Pada ayat tersebut, diceritakan bagaimana Nabi Sulaiman (a.s.) wafat. Baginda diam dalam keadaan bersandar pada tongkatnya untuk tempoh waktu yang agak lama. Kematian baginda tidak disedari oleh para jin mahupun ahli keluarganya sehinggalah anai-anai memakan tongkat baginda sehingga menjadi rapuh dan patah lalu baginda pun jatuh tersungkur. Ini menunjukkan bagaimana serangga dapat memberikan maklumat tentang kematian seseorang secara tidak langsung.

Jadual 1: Senarai kepustakaan dan jenis serangga yang dibincangkan

Bil.	Jenis Serangga	Kepustakaan	Sumber Dalil	
			Al-Quran	Al-Sunnah
1	Lebah	(Abas, 2015)	/	/
		(Haris, 2013)	/	X
		(Rahim & Esa, 2010)	/	/
2	Semut	(Noor, 2016)	/	/
		(Abas, 2015)	/	/
		(Haris, 2013)	/	X
		(Rahim & Esa, 2010)	/	/
3	Anai-anai	(Ahmad <i>et al.</i> , 2019)	/	X
		(Baharuddin, 2017)	/	/
		(Rahim & Esa, 2010)	/	/

4	Nyamuk	(Othman & Yusoff, 2012)	/	X
5	Lalat	(Ahmad <i>et al.</i> , 2020)	/	X
		(Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019a)	/	/
		(Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019b)	/	/
		(Othman & Yusoff, 2012)	/	X

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas, hanya enam jenis serangga yang telah dibincangkan dalam kepustakaan terdahulu. Sungguhpun demikian, ada dua jenis serangga di dalam al-Quran yang masih belum dibahaskan iaitu belalang dan kutu, sedangkan kedua-duanya telah dinyatakan dengan jelas pada 133 dalam surah Al-A'raf. Berdasarkan Jadual 1 di atas juga, dapat dilihat bahawa kesemua kajian bersumberkan dalil daripada al-Quran, namun, hanya sebahagian sahaja yang mengambil sumber dalil daripada al-Sunnah. Bagi mengisi jurang akademik yang telah wujud ini, maka kajian ini akan membincangkan kesemua jenis serangga yang dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Bagi maksud al-Sunnah, dokumen yang akan dirujuk ialah kitab-kitab hadis utama (*Sunan al-Sittah*) terdiri daripada Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan Ibnu Majah, Sunan al-Tirmizi, dan Sunan al-Nasai.

### 3.0 Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan metode penyelidikan dokumentari untuk mendapatkan data. Ia digunakan bagi mengumpulkan serta mendapatkan data melalui kajian dokumen, penulisan, dan rekod yang telah dihasilkan (Neely & Ponshunmugam, 2019). Data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan metodologi analisis kandungan. Metode ini digunakan bagi memahami dan mengeluarkan maklumat-maklumat yang penting dan berguna yang berada pada sekitar teks dokumen (Leavy, 2017). Ia diolah dan dipersembahkan secara sistematik dalam bentuk jadual. Proses ini dilaksanakan secara berulang (rekursif) melibatkan proses pungutan dan analisis data yang berkaitan dengan penerapan definisi, peraturan, atau prosedur bagi mendapatkan keputusan yang berterusan (Liew *et al.*, 2018). Kata kunci serangga dan perihal berkaitan serangga telah diekstrak dari 6236 ayat dari 30 juzuk yang terdapat dalam al-Quran. Hasilnya menemukan lapan jenis serangga. Kemudian, penemuan tersebut ditemakan dan diskopkan untuk terus digunakan sebagai sampel teori bagi analisis dokumen *Sunan Sittah* (SS):

Jadual 2: Senarai Dokumen Analisis Bagi *Sunan Sittah*

Bil.	Nama Dokumen	Penulis	Keabsahan Dokumen
1.	Sahih al-Bukhari (2001)	Abu 'Abd Allah al-Imam Muhammad bin Isma'il Abu 'Abd Allah al- Bukhari	Semua hadis dinilai Sahih (autentik) oleh majoriti ilmuan
2.	Sahih Muslim (t.t.)	Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naisaburi	

3.	Sunan Abu Dawud (t.t.)	Sulayman bin al-Ash'ath al-Azdi al-Sijistani	Terdapat campuran hadis-hadis pelbagai tingkatan
4.	Sunan al-Tirmizi (1998)	Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmidhi	sahih, hasan dan <i>dhaif</i> mengikut kriteria penilaian
5.	Sunan al-Nasai (1986)	Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'ayb al-Nasa'i al-Khurasani	ulama' dalam bidang hadis
6.	Sunan Ibnu Majah (t.t.)	Muhammad bin Yazid bin 'Abd Allah bin Majah al-Qazwini	

Justifikasi kajian menggunakan SS adalah kerana keenam-enam dokumen ini merupakan rujukan utama dalam jurisprudens Islam. SS adalah ialah enam buah dokumen hadis yang diiktiraf oleh ulama sebagai sumber rujukan yang berautoriti, dikumpulkan pada kurun ketiga Hijrah dan tajuk-tajuknya disusun mengikut susunan bab fikah (Qattan, 1981). Kurun ketiga Hjah merupakan zaman emas pengumpulan ilmu hadis. Pada zaman tersebut, hadis-hadis dikumpul dari penghafaz hadis, tulisan-tulisan serta matan dan perawi kesemua dinilai dengan kriteria khas (Zahw, 1984). Para ulama bersepakat dalam menetapkan enam buah kitab ini antara sumber rujukan dalam kajian hadis dengan beberapa keistimewaan (Salih, 1995):

- a. Sahih al-Bukhari mengumpulkan ciri-ciri intelektual di dalamnya.
- b. Sahih Muslim kurang huraian di dalamnya dan mudah penyusunannya.
- c. Sunan al-Tirmidhi mengumpulkan seni-seni dalam ilmu hadis.
- d. Sunan Abu Dawud mengumpulkan hadis-hadis hukum.
- e. Sunan Ibn Majah merupakan kitab yang paling tersusun bab-bab di dalamnya.
- f. Sunan al-Nasa'i mempunyai kebanyakan ciri-ciri kitab-kitab di atas.

Data yang didapati daripada dokumen-dokumen tersebut merupakan data utama dalam kajian ini. Hal ini diambil kira kerana ia dianalisis secara langsung, boleh dipercayai dan tidak dipengaruhi oleh pandangan atau pendapat individu.

#### 4.0 Hasil Kajian Dan Perbincangan

Serangga merupakan haiwan Artropoda yang mempunyai tiga pasang kaki, tiga bahagian badan dan dua pasang sayap secara umum. Ia diterjemahkan sebagai *insect* dan الحشرة (*al-hasharah*) dalam Bahasa Arab. Istilah *insect* berasal dari Bahasa Latin (*insectum*) yang bermaksud haiwan bersegenmen. Dalam bidang *fiqh*, fuqaha menggunakan beberapa perkataan antaranya seperti *al-dawab al-ard*, *al-hawam*, dan *al-sawam*. Istilah lain yang lazim digunakan juga adalah entomologi (*entomology*) yang berasal dari Bahasa Perancis. Ia merujuk kepada ilmu penyelidikan dan kajian berkaitan kelakuan, struktur, fisiologi, dan klasifikasi serangga.

Secara umumnya, serangga telah disebut dalam al-Quran melalui pelbagai surah. Penamaan serangga dalam surah-surah di dalam al-Quran dapat difahami daripada konteks-konteks yang tersendiri. Kebanyakan ayat yang berkaitan serangga disebutkan agar manusia mengambil pengajaran dan ibrah dari sifat dan kejadian serangga. Terdapat juga ayat yang secara langsung memberikan penelitian terhadap serangga. Perbincangan berkenaan serangga juga banyak disebut dalam al-Quran dan hadis. Sebagai

contoh, ibrah dan pengajaran berkaitan serangga disebutkan dalam ayat-ayat berikut umpamanya pengajaran/ perumpamaan (*ibrah*) dari sekecil nyamuk dan lebih besar daripadanya disebutkan dalam surah Al-Baqarah ayat 26:

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan benda ini? (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan ramai orang sesat dengan sebab perbandingan itu dan akan menjadikan ramai orang mendapat petunjuk dengan sebabnya dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik. (Surah al-Baqarah 2:26)

Pengajaran pembalasan dan azab Allah s.w.t melalui agen seperti belalang dan kutu yang mendatangkan kebinasaan disebut dalam surah al-A'raf melalui ayat 133:

Terjemahan: (Allah berfirman): Kami pun menghantarkan kepada mereka taufan dan belalang, dan kutu dan katak dan darah, sebagai tanda-tanda dan bukti yang jelas nyata, maka mereka juga tetap berlaku sombong takbur dan menjadi kaum yang menderhaka. (Surah al-A'raf 7:133)

Pengajaran kebesaran Allah s.w.t. dan KeesaanNya yang tiada tandingan dalam menciptakan makhluk kecil dan kompleks seperti lalat disebut dalam surah al-Hajj melalui ayat 73:

Terjemahan: Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta (dari mendapat hajatnya) dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya). (Surah Al-Hajj 22:73)

Serangga lain seperti lebah, semut, dan labah-labah juga disebut dalam surah al-Nahl, al-Naml dan al-Ankabut serta diberikan keutamaan sebagai nama bagi surah-surah tersebut. Jelas, daripada contoh-contoh tersebut, serangga mempunyai peranan dalam kehidupan manusia khususnya seorang Muslim. Perincian ayat-ayat tersebut dapat dilihat seperti dalam Jadual 3.



Jadual 3: Perincian Ayat-Ayat Al-Quran Berkaitan Serangga berserta Tema

Nama Serangga	Nama Surah	Juzu'	Turutan Surah	Nombor Ayat	Tema
Nyamuk	Al-Baqarah	1	2	26	Alegori/ Perumpamaan/ Pengajaran Sifat
Belalang	Al-Qamr	27	54	7	
	Al-A'raf	8	7	133	
Kutu					
Lebah	An-Nahl	14	16	68 dan 69	
Lalat	Al-Hajj	17	22	73	Perbandingan
Semut	An Naml	19	27	18	Penceritaan kisah dan tauladan
Anai-anai	Saba'	22	34	14	Penceritaan kisah dan tauladan
Kupu-kupu	Al-Qari'ah	30	101	4	Alegori/ Perumpamaan/ Pengajaran Sifat

Sembilan tempat disebutkan berkenaan serangga dalam al-Quran yang sarat dengan makna tersendiri.

Jadual 4 dan 5 pula memperincikan perihal serangga dalam hadis-hadis yang terdapat dalam Sahih al-Bukhari (2001), Sahih Muslim (t.t.), Sunan Ibnu Majah (t.t.), Sunan Abu Dawud (t.t.), Sunan al-Tirmizi (1998) dan Sunan al-Nasai (1986). Kekekapan-kekapan ini ditunjukkan seperti dalam jadual tersebut. Hasil analisis menunjukkan terdapat 104 hadis berkaitan serangga yang terdapat dalam SS. Taburan-taburan hadis tersebut terdapat dalam pelbagai tema, termasuklah tema perumpamaan/pengajaran/sifat, kebersihan/mandi, pemakanan, muamalat, pemakaian, ibadah, perubatan dan rujukan bagi penamaan surah.



Jadual 4: Perincian Kekerapan Perihal Serangga dalam Sunan Sittah

Nama Serangga	Kutub Sittah/Jilid											
	Sahih Bukhari	Jilid	Sahih Muslim	Jilid	Sunan Ibnu Majah	Jilid	Sunan Abu Daud	Jilid	Sunan Tarmizi	Jilid	Sunan An Nasa'i	Jilid
Nyamuk	4729	1	2785	4	4110	2			2320	4		
					4257				2495			
									3020			
Belalang	279	1	1776	3	3219	2	1853	2	850	3	409	1
	3391	4	1952		3220		1854		1821		4356	
	5495	7	2285	4	3221		3471	3	1823	4	4357	7
	7493	9			3222		3812					
					4079		3813					
					4099							
Kutu	1566	2	2076	3	3080	2			1722	4	2851	5
	1724	3										
	1795											
	1814											
	1815											
	1816											
	1817											
	1818											
	2788											
	2920	4										
	4159											
	4190											
	4191											
	4346											
	4397											
	4517											
5665												
5702												
6708												
Lebah	1077	2	1474	2	3809	2	3715	3	3173	5		
	5268											
	5585	7	2937	4								
	5684											
	6972											
Lalat	3320	4	2205	4	3504	2	1600	2	2874	4	2499	5
	3753	5			3505		3844	3			4262	7
	5782	7			3636		4190	4			5052	
					4197		4982				5066	8
											5718	
Semut	3019	4	193	1	3225	2	78	1		4358	7	
			2241	4			2675	3				
							5266	4				
							5268					
Kupu-kupu	3426	4	173	1					3276	451		
	6483	8	2284									
			2285	4								

Nyamuk disebutkan dalam tujuh buah hadis; Hadis nombor 4729 dalam Sahih al-Bukhari (2001), 2785 dalam Sahih Muslim (t.t.), 4110 dan 4257 dalam Sunan Ibnu Majah (t.t.), 2320, 2495 dan 3020 dalam Sunan al-Tirmizi (1998). Kesemua sebutan serangga dalam hadis-hadis tersebut adalah di bawah tema perumpamaan dan pengajaran. Tiada hadis berkaitan perihal nyamuk direkodkan dalam Sunan Abu Dawud (t.t.) dan Sunan al-Nasai (1986).

Belalang pula disebut sebanyak 26 kali dalam SS. Perihal belalang adalah yang paling kerap disebut dalam SS. Kekerapan ini adalah berdasarkan hadis bernombor 279, 3391, 5495 dan 7493 dalam Sahih al-Bukhari (2001), 1776, 1952, dan 2285 dalam Sahih Muslim (t.t.), 3219, 3220, 3221, 3222, 4079 dan 4099 dalam Sunan Ibnu Majah (t.t.), 1853, 1854, 1855, 3471, 3812 dan 3813 dalam Sunan Abu Dawud (t.t.), 850, 1821 hingga 1823 dalam Sunan al-Tirmizi (1998), serta 409, 4356 dan 4357 dalam Sunan al-Nasai (1986). Belalang dalam hadis-hadis tersebut merangkumi pelbagai tema seperti berikut: tujuh hadis di bawah tema perumpamaan dan pengajaran, empat hadis di bawah tema kebersihan, 14 hadis di bawah tema pemakanan, dan satu hadis berkaitan tema muamalat.

Sementara itu, perihal kutu pula disebut sebanyak 25 kali dalam SS. Kekeperan ini berdasarkan hadis bernombor 1566, 1724, 1795, 1814 hingga 1818, 2788, 2920, 4159, 4190, 4191, 4346, 4397, 4517, 5665, 5702 dan 6708 dalam Sahih al-Bukhari (2001), hadis 2076 dalam Sahih Muslim (t.t.), hadis 3046 dan 3080 dalam Sunan Ibnu Mājah (t.t.), hadis 1722 dalam Sunan al-Tirmizi (1998), serta hadis 2851 dan 2852 dalam Sunan al-Nasai (1986). Satu hadis direkodkan dengan tema sifat. Tiga hadis di bawah tema pemakaian manakala 21 lagi hadis direkodkan di bawah tema ibadah. Tiada hadis berkaitan perihal kutu direkodkan dalam Sunan Abu Dawud (t.t.).

Perihal lebah pula disebut sekerap 12 kali. Kekeperan ini adalah bersumberkan hadis nombor 1077, 3700, 5268, 5585, 5684, dan 6972 dalam Sahih al-Bukhari (2001), hadis 1474 dan 2937 dalam Sahih Muslim (t.t.), hadis 3809 dan 4075 dalam Sunan Ibnu Majah (t.t.), dan hadis 3173 dalam Sunan al-Tirmizi (1998). Tiada hadis berkaitan perihal lebah direkodkan dalam Sunan al-Nasai (1986).

18 hadis perihal lalat disebutkan dalam SS. Kekeperan di sebut pada tema yang pelbagai. Tiga hadis, nombor 3320, 3753 dan 3782 adalah dalam Sahih al-Bukhari (2001). Satu hadis diperolehi dari Sahih Muslim (t.t.), nombor 2205. Empat hadis dalam Sunan Ibnu Mājah (t.t.) iaitu 3504, 3505, 3636 dan 4197. Empat hadis dalam Sunan Abu Dawud (t.t.) iaitu 1600, 3844, 4190 dan 4982. Manakala satu hadis dalam Sunan al-Tirmizi (1998) bernombor 2874, dan lima hadis bernombor 2499, 4262, 5052, 5066 dan 5718 dalam Sunan al-Nasai (1986).

Perihal semut pula disebut dengan sembilan kali kekeperan di bawah dua tema berbeza iaitu lapan hadis di bawah tema pengajaran/perumpamaan dan satu lagi di bawah tema surah. Tiada hadis direkodkan dalam Sunan al-Tirmizi (1998). Kekeperan ini dapat dilihat melalui hadis nombor 3019 dalam Sahih al-Bukhari (2001), hadis 193 dan 2241 dalam Sahih Muslim (t.t.), hadis 3225 dalam Sunan Ibnu Majah (t.t.), hadis 78, 2675, 5266 dan 5268 dalam Sunan Abu Dawud (t.t.), dan hadis 4358 dalam Sunan al-Nasai (1986).

Terdapat tujuh hadis direkodkan dalam SS berkaitan perihal kupu-kupu. Dua daripadanya dalam Sahih al-Bukhari (2001) iaitu melalui hadis nombor 3426 dan 6483. Tiga hadis bernombor 173, 2284 dan 2285 dalam Sahih Muslim (t.t.). Manakala masing-masing satu dalam Sunan al-Tirmizi (1998) bernombor 3276 dan hadis 451 dalam Sunan al-Nasai (1986). Ketujuh-tujuh hadis tersebut direkodkan di bawah tema perumpamaan/pengajaran dan sifat.

Jadual 5: Perincian Ke kerap an Perihal Serangga Berserta Tema

Nama Serangga	Tema								Jumlah
	Perumpamaan/ Pengajaran/ Sifat	Kebersihan/ Mandi	Pemakanan	Muamalat	Pemakaian	Ibadah	Perubatan	Rujukan Penamaan Surah	
Nyamuk	7	0	0	0	0	0	0	0	7
Belalang	7	4	14	1	0	0	0	0	26
Kutu	1	0	0	0	3	21	0	0	25
Lebah	4	0	5	0	0	0	1	2	12
Lalat	7	0	6	0	5	0	0	0	18
Semut	8	0	0	0	0	0	0	1	9
Kupu-kupu	7	0	0	0	0	0	0	0	7
Jumlah Keseluruhan Hadis									104

Secara keseluruhannya, jika dilihat melalui tema-tema yang dikelaskan terhadap perihal serangga, didapati bahawa perihal serangga paling banyak disebutkan di bawah tema perumpamaan/pengajaran/ sifat, iaitu sebanyak 41 sebutan. Perihal serangga di bawah tema pemakanan pula disebut sebanyak 25 kali, ibadah 21 kali, pemakaian lapan kali, kebersihan dan mandi empat kali, perubatan lima kali, muamalat sekali dan penamaan surah tiga kali.

## 5.0 Kesimpulan

Hasil analisis mendapati serangga telah disebutkan melalui pelbagai tema sama ada di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah. Hasil ini menunjukkan peranan serangga sebagai sebahagian daripada rangkaian kehidupan di muka bumi ada dijelaskan dalam sumber-sumber primer agama Islam. Ia menunjukkan integrasi *naqli* (teks bersumberkan wahyu) dan *aqli* (percambahan pemikiran oleh manusia) relevan sepanjang zaman. Ia boleh dijadikan teori berdasar bagi kajian selanjutnya terutama dalam bidang pengajian Islam. Kajian lanjut perlu dilakukan bagi melihat fokus utama tema-tema yang telah didapati dari perihal serangga yang disebutkan tersebut. Dalam konteks pengajian Islam, boleh dilihat status hadis-hadis yang berkaitan dengan perihal serangga tersebut. Sementara huraian dari pentafsiran yang berautoriti perlu dikaji dan diteroka agar maksud sebenar bukti-bukti dalam kehidupan yang diisyaratkan oleh Allah dan difahami oleh ilmuan silam dapat diterjemahkan sebagai suatu kerangka baru era moden.

### Penghargaan

Penghargaan diberikan terhadap pembiayaan penuh yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui skim FRGS USIM/FRGS/FSU/055002/50918 (FRGS/1/2018/SSI03/USIM/03/3).

---

### Rujukan

- Abas, M. H. M. (2015). *Haiwan dalam Al-Quran Menurut Tafsir Ilmi Kajian Terhadap Lebah Semut dan Labah-Labah*. (Sarjana Falsafah), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Abu Dawud, S. b. a.-A. a. b. I. b. B. a.-S. (t.t.). *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019a). Bayan Linnas Siri Ke-165: Lalat Dalam Al-Quran Dan Al-Hadis: Amthal, Kajian Saintifik Dan Jawapan Terhadap Salah Faham. Diambil daripada Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3083-bayan-linnas-siri-ke-165-lalat-dalam-al-quran-dan-al-hadis-amthal-kajian-saintifik-dan-jawapan-terhadap-salah-faham> Diakses pada 1 Jun 2020
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019b). Irsyad Al-Hadis Siri Ke-341: Hadis Berkaitan Lalat [Edisi Kemaskini]. Diambil daripada Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadis/3071-irsyad-al-hadis-siri-ke-341-hadis-berkaitan-lalat-edisi-kemaskini> Diakses pada 1 Jun 2020
- Ahmad, M. H., Baharuddin, A. S., Mahat, N. A., Hashim, H., Shah, H. A. R., Ismail, W. A. F. W., & Mutalib, L. A. (2020). Penggunaan Serangga Sebagai Keterangan Dalam Perundangan Jenayah Islam. *Serangga*, 25(1), 68-83.
- Ahmad, M. H., Razak, R., Saharudin, N. S., & Baharuddin, A. S. (2019). Al-Qur'an Dan Penerimaan Kaedah Saintifik Dalam Pembuktian Kes. *Jurnal Darul Quran*, 23, 114-142.
- Al-Bukhari, M. i. I. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Nasai, A. a.-R. A. S. a. (1986). *Sunan al-Nasai*. Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Al-Tirmizi, A. I. M. (1998). *Sunan al-Tirmizi* (B. I. Ma'ruf Ed.). Beirut: Dar al-Gharab al-Islamiy.
- Baharuddin, A. S. (2017). Fiqh Forensik: Serangga Pembekal Maklumat. *Majalah Al-Ustaz*, 68, 54-57.
- Bakharudin, A. Y., & Yahaya, M. Z. (2018). Prinsip Penggunaan Serangga (Al-Hasharat) Dalam Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 30, 116-139.
- Haris, A. (2013). Ants And Bee As Quranic Allegory Within Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Agama Islam - Ta'lim*, 11(1), 47-60.
- Ibnu Mājah, M. Y. a.-Q. (t.t.). *Sunan Ibnu Majah* (M. F. a. A. Bāqī Ed.). Beyrūt: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

- Muslim, I. a.-H. A. a.-H. a.-Q. a.-N. (t.t.). *Sahih Muslim (al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar binaql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah)* (M. F. al-Baqi Ed.). Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Noor, U. M. M. (2016). Irsyad al-Hadis Siri ke-32: Kisah Nabi Sulaiman dan semut dan larangan membunuh semut. Diambil daripada Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadis/1517-irsyad-al-hadis-siri-ke-32-kisah-nabi-sulaiman-dan-semut-dan-larangan-membunuh-semut> Diakses pada 1 Jun 2020
- Othman, M. S., & Yusoff, M. Y. Z. H. M. (2012). Perumpamaan Serangga Dalam Al-Qur'ān: Analisis Ijaz. *QURANICA - International Journal of Quranic Research*, 2(1), 105-129.
- Qattan, I. (1981). Tadwin al-Sunnah wa Atwaruh. In A. A. b. I. al-Ansari (Ed.), *al-Buhuth wa al-Dirasat*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Rahim, F., & Esa, M. F. M. (2010). *Penyelidikan Sains Tauhidik: Kes Biologi Koloni Serangga*. Kertas kerja dibentangkan di Prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik, Hotel Heritage Melaka.
- Salih, S. (1995). *'Ulum al-Hadis wa Mustalahuh*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Zahw, M. M. A. (1984). *al-Hadis wa al-Muhaddithun*. Riyadh: al-Ri'asah al-'Ammah li Idarat al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta' wa al-Da'wah wa al-Irshad.